

Majlis Amanat Menteri Pertanian Tahun 2019 (21 Januari 2019)

Majlis Amanat Tahun 2019 oleh Yang Berhormat Dato' Salahuddin Bin Ayub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah selamat diadakan dan disempurnakan pada 22 Januari 2019 di Dewan Serbaguna, Wisma Tani Putrajaya dengan membawa misi iaitu **“MEMODEN DAN MEMPERTINGKATKAN PRODUKTIVITI SEKTOR AGROMAKANAN NEGARA”**.



Diantara intipati ucapan Yang Berhormat Dato' Salahuddin Bin Ayub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani adalah :-

1. Penubuhan Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPM) membantu kementerian mencarta hala tuju baharu sektor agromakanan negara.
2. Dasar Pengimport Beras Tunggal perlu dikaji semula supaya hala tuju padi dan beras negara dan kepentingan *stakeholders* terpelihara.
3. Kejayaan MAHA 2018 dan penganjuran **Trade Day** yang menjana peluang perniagaan sebanyak RM2.8 billion menunjukkan potensi peluang perniagaan dalam sektor agromakanan bukan sahaja dalam negara mahupun luar negara.
4. Statistik pengeluaran komoditi utama tanaman, ternakan dan perikanan negara pada tahun 2015 hingga tahun 2017 menunjukkan penurunan ketara yang membimbangkan.
5. Subsidi dan bantuan tidak memberi perubahan kepada taraf hidup petani, pesawah, nelayan dan penternak di Malaysia.
6. Tahap "**SELF-SUFFICIENCY LEVEL**" (SSL) terlalu ditekankan sehingga gagal memantau dan mengurus kos input pertanian dengan baik.
7. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani meminta setiap jabatan dan agensi bergerak bersama-sama sebagai satu pasukan untuk menjayakan sektor pertanian dan Lima Halatujua Agromakanan 2019.

5 Halatujua Agromakanan 2019

- I. Memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian.
 - II. Merencanakan penglibatan pelaburan swasta dalam pertanian.
 - III. Menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan.
 - IV. Menambahbaik ekosistem industri pertanian aktiviti pengembangan.
 - V. Memperkukuh struktur organisasi jabatan dan agensi di bawah MOA.
8. Salah satu inisiatif seperti penubuhan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) dan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah adalah komitmen Kerajaan untuk menghapuskan rasuah.
 9. Input subsidi dan insentif perlu diberikan secara telus dan bersasar dan permohonan lesen atau permit perlu diuruskan mengikut syarat yang ditetapkan.
 10. Memperbanyakkan program turun padang seperti sesi *engagement* bersama petani bagi memahami permasalahan dan isu semasa yang dihadapi.
 11. MOA perlu menjadi Kementerian yang *business-friendly* dan menggalakkan pelaburan dalam sektor agromakanan.
 12. Pendekatan melalui MOA Inc. harus diperkasa dan dimanfaatkan untuk meningkatkan peranan yang dimainkan oleh MOA dalam menghadapi isu, cabaran dan kehendak sektor agromakanan.
 13. Semua jabatan dan agensi MOA perlu bekerja secara berpasukan bagi memastikan projek-projek yang dilaksanakan memenuhi kehendak *stakeholders*.